

LEMBARAN PENERANGAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Pelajaran-i (Edu Fin-i). Sila dapatkan penjelasan daripada institusi sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am)

NAMA PRODUK: PEMBIAYAAN PELAJARAN-i (Edu Fin-i)

TARIKH:

[Tarikh ini untuk diisi oleh Staf Jualan]

1. APAKAH PRODUKINI?

Pembiayaan Pelajaran-i adalah kemudahan pembiayaan patuh shariah yang menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar yang berkelayakan untuk membayai sepenuhnya atau sebahagian yuran pengajian untuk program Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana di universiti tempatan & luar negara yang terpilih berdasarkan program dan universiti yang diluluskan oleh pihak Bank yang juga bersandarkan dengan harta tanah atau cagaran lain yang boleh diterima (contoh: Simpanan Tetap Islamik (IFD-i)/ Simpanan Tetap (FD-i), Akaun Pelaburan Am (GIA-i) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB)).

2. APAKAH KONSEP SHARIAH YANG DIGUNAKAN?

Kontrak Shariah yang digunakan untuk Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i dan Kemudahan Tunai-i ialah Murabahah (kos berserta keuntungan) melalui aturan Komoditi Murabahah/Tawarruq. Ia adalah kaedah jualan dengan harga penambahan di mana Pelanggan membayar harga dalam tempoh masa yang dipersetujui. Aset yang mendasari urusniaga jualan antara Pelanggan dan Bank merupakan komoditi khusus patuh Shariah yang boleh diniagakan.

- Mengikut pembiayaan secara Komoditi Murabahah, pihak Bank memperoleh/membeli komoditi patuh Shariah daripada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 1) atas permintaan Pelanggan.
- Pihak Bank kemudian menjual komoditi kepada Pelanggan dengan Harga Jual Bank yang terdiri daripada harga komoditi campur margin/keuntungan bank. Pelanggan membayar secara bertahap dalam tempoh masa yang dipersetujui.
- Pelanggan kemudian melantik pihak Bank sebagai wakil untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) demi meraih wang.
- Pihak Bank, sebagai wakil Pelanggan kemudian menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) pada harga jual mengikut amanah pembiayaan.
- Hasil penjualan komoditi akan diremit kepada Pelanggan, penjual atau pihak berkepentingan mengikut terma dan syarat pembiayaan.

Untuk transaksi Komoditi Murabahah di bawah kemudahan pembiayaan ini, pada setiap masa Bank menjadi ejen tidak ekslusif bagi pihak anda, dalam melaksanakan transaksi Komoditi Murabahah yang berkaitan dengan kemudahan ini.

3. APAKAH KADAR ASAS ISLAMIK (KAI)?

Kadar Asas Islamik (KAI) adalah kadar harga pembiayaan runcit yang berkuatkuasa 2 Januari 2015 menggantikan Kadar Pembiayaan Asas (KPA) selaras dengan Rangka Kerja Kadar Rujukan baru yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia. Di bawah rangka kerja baru ini, bank-bank akan hanya menggunakan kos pembiayaan sebagai penanda aras untuk menentukan kadar asas mereka. KAI Maybank Islamic dikira berdasarkan kos purata dana Maybank Islamic. KAI akan diselaraskan apabila terdapat perubahan pada dasar monetari contohnya perubahanan Kadar Dasar Semalam (KDS) serta sebarang perubahan dalam keadaan pendanaan contohnya perubahan pada Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR).

4. SEJARAH PENANDA ARAS KOS DANA (COF) UNTUK 3 TAHUN YANG LALU



5. APAKAH YANG DAPAT SAYA PEROLEHI DARI PRODUK INI?

No	Ciri - Ciri	Penerangan												
(a)	Jumlah Kemudahan	Kemudahan Pembiayaan berdasarkan kepada kelayakan margin cagaran.												
(b)	Kadar Keuntungan Siling (KHS)	Kadar pengiraan untuk Kadar Harga Siling (KHS) pada masa kelulusan pembiayaan. KHS juga dikira sebagai harga siling. KHS dikira sebagai $KAI^* + 7.65\%$ setahun atau 10.0% , yang mana lebih tinggi.												
(c)	Margin Pembiayaan (MP)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Cagaran</th> <th>MP</th> <th>Kenyataan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Hartanah</td> <td>120%</td> <td>Margin pembiayaan tambahan sebanyak 30% ke atas margin pembiayaan rumah standard (MP: 90%) atau jumlah pembiayaan pada 120% nilai pasaran terbuka (OMV). 30% margin pembiayaan dihadkan pada RM400,000.</td> </tr> <tr> <td>Deposit Tetap</td> <td>150%</td> <td>Tambahan 50% melebihi nilai cagaran dihadkan pada RM200,000.</td> </tr> <tr> <td>Amanah Saham Bumiputera (ASB)</td> <td>67%</td> <td>Maksimum amaun pembiayaan adalah 67% daripada nilai sijil</td> </tr> </tbody> </table>	Cagaran	MP	Kenyataan	Hartanah	120%	Margin pembiayaan tambahan sebanyak 30% ke atas margin pembiayaan rumah standard (MP: 90%) atau jumlah pembiayaan pada 120% nilai pasaran terbuka (OMV). 30% margin pembiayaan dihadkan pada RM400,000.	Deposit Tetap	150%	Tambahan 50% melebihi nilai cagaran dihadkan pada RM200,000.	Amanah Saham Bumiputera (ASB)	67%	Maksimum amaun pembiayaan adalah 67% daripada nilai sijil
Cagaran	MP	Kenyataan												
Hartanah	120%	Margin pembiayaan tambahan sebanyak 30% ke atas margin pembiayaan rumah standard (MP: 90%) atau jumlah pembiayaan pada 120% nilai pasaran terbuka (OMV). 30% margin pembiayaan dihadkan pada RM400,000.												
Deposit Tetap	150%	Tambahan 50% melebihi nilai cagaran dihadkan pada RM200,000.												
Amanah Saham Bumiputera (ASB)	67%	Maksimum amaun pembiayaan adalah 67% daripada nilai sijil												
(d)	Kadar Keuntungan Efektif	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Hartanah</th> <th>Deposit Tetap</th> <th>Amanah Saham Bumiputera</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bahagian bercagar : Serendah $KAI + 1.35\%$ (Kadar Efektif : 4.35%)</td> <td>$KAI + 3.00\%$ (Kadar Efektif : 6.00%)</td> <td>$KAI + 1.85\%$ (Kadar Efektif : 4.85%)</td> </tr> <tr> <td>Bahagian tidak bercagar : $KAI + 3.75\%$ (Kadar Efektif : 6.75%)</td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota : Kadar Asas Semasa (KAI) : 3.00%</p> <p>Kadar Keuntungan Efektif di atas boleh diubah pada bila-bila masa oleh pihak Bank dengan memberikan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis bertulis sebelum tarikh pelaksanaan dengan syarat bahawa ia tidak akan melebihi Kadar Keuntungan Siling.</p>	Hartanah	Deposit Tetap	Amanah Saham Bumiputera	Bahagian bercagar : Serendah $KAI + 1.35\%$ (Kadar Efektif : 4.35%)	$KAI + 3.00\%$ (Kadar Efektif : 6.00%)	$KAI + 1.85\%$ (Kadar Efektif : 4.85%)	Bahagian tidak bercagar : $KAI + 3.75\%$ (Kadar Efektif : 6.75%)					
Hartanah	Deposit Tetap	Amanah Saham Bumiputera												
Bahagian bercagar : Serendah $KAI + 1.35\%$ (Kadar Efektif : 4.35%)	$KAI + 3.00\%$ (Kadar Efektif : 6.00%)	$KAI + 1.85\%$ (Kadar Efektif : 4.85%)												
Bahagian tidak bercagar : $KAI + 3.75\%$ (Kadar Efektif : 6.75%)														
(e)	Tempoh	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Cagaran</th> <th>Tempoh Pembiayaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Hartanah</td> <td>Sehingga 35 tahun/umur 70 tahun (Pembiayaan Hartanah) Sehingga 20 tahun/umur 70 tahun (Bahagian Tambahan)</td> </tr> <tr> <td>FD / IFD / GIA</td> <td>Sehingga 20 tahun/umur 70 tahun (IFD & Bahagian Tambahan)</td> </tr> <tr> <td>ASB</td> <td>Sehingga 30 tahun/umur 70 tahun</td> </tr> </tbody> </table>	Cagaran	Tempoh Pembiayaan	Hartanah	Sehingga 35 tahun/umur 70 tahun (Pembiayaan Hartanah) Sehingga 20 tahun/umur 70 tahun (Bahagian Tambahan)	FD / IFD / GIA	Sehingga 20 tahun/umur 70 tahun (IFD & Bahagian Tambahan)	ASB	Sehingga 30 tahun/umur 70 tahun				
Cagaran	Tempoh Pembiayaan													
Hartanah	Sehingga 35 tahun/umur 70 tahun (Pembiayaan Hartanah) Sehingga 20 tahun/umur 70 tahun (Bahagian Tambahan)													
FD / IFD / GIA	Sehingga 20 tahun/umur 70 tahun (IFD & Bahagian Tambahan)													
ASB	Sehingga 30 tahun/umur 70 tahun													
(f)	Pembayaran Pembiayaan	<p>(A) Semasa Pengajianan</p> <p><u>Bayar Keuntungan :</u> Semasa tempoh pengajian, anda dikehendaki untuk membayar ansuran keuntungan pada hari pertama setiap bulan sehingga berakhirnya tempoh penangguhan (semasa tempoh pengajian ditambah enam (6) bulan).</p> <p>(B) <u>Selepas Pengajianan</u> Pembayaran pembiayaan akan bermula sebaik sahaja mula bekerja atau enam bulan selepas tamat pengajian, yang mana terawal.</p>												

6. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

Anda hendaklah memastikan bayaran ansuran bulanan dibayar pada setiap hari pertama setiap bulan. Pengiraan di bawah adalah berdasarkan andaian berikut:

- Jumlah Kemudahan : RM 100,000
- Kadar Keuntungan Effektif (KKE): KAI + 2.65% setahun. (semasa tempoh pengajian termasuk 6 bulan penangguhan pembayaran)
KAI + 3.65% setahun (selepas tempoh belajar)
- Tempoh Pembiayaan : 20 tahun
- Pembayaran pembiayaan akan dibayar secara berperingkat ke universiti (6-10 kali)

Komponen	Cagaran menggunakan Hartanah/ FD/ IFD-i/GIA			Cagaran menggunakan ASB		
	KAI= 3.00% Kadar Efektif= 6.75%	Jika KAI meningkat 1%: KAI= 4.00% Kadar Efektif= 7.75%	Jika KAI meningkat 2%: KAI= 5.00% Kadar Efektif= 8.75%	KAI= 3.00% Kadar Efektif= 4.85%	Jika KAI meningkat 1%: KAI= 4.00% Kadar Efektif= 5.85%	Jika KAI meningkat 2%: KAI= 5.00% Kadar Efektif: 6.85%
Ansuran bulanan (purata)	RM761	RM821	RM884	RM652	RM708	RM767
Jumlah kos faedah pada akhir tahun 20	RM82,487	RM97,072	RM112,090	RM56,407	RM69,873	RM83,916
Jumlah bayaran keseluruhan pada akhir tahun 20	RM182,487	RM197,027	RM212,090	RM156,407	RM169,873	RM183,916

Nota: Jumlah ansuran bulanan dan jumlah bayaran mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan KAI di mana perubahan di dalam Kadar Asas Islamik (KAI) mungkin mengakibatkan penambahan dalam bayaran bulanan atau pemanjangan dalam tempoh pembayaran walaubagaimanapun, ianya tidak akan melebihi Kadar Keuntungan Siling. Jadual di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

7. APAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU SAYA BAYAR?

Duti Setem :	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Surat Tawaran : RM10 ▪ Dokumen Charge*: RM10 ▪ Memorandum of Deposit cum Assignment* ▪ Memorandum of Deposit (MOD)* ▪ Memorandum of Charges on Shares (MOCOS)*
Akta Setem 1949 (pindaan 1989)	*Nota: Duti Setem pada dokumen sekuriti berdasarkan cagaran (mana-mana yang berkenaan)
Fi Sijil ASB (jika berkenaan)	RM100
Fi Guaman (termasuk tax) hendaklah dibayar teus ke Peguam	Atas nasihat Peguam

Nota: Semua yuran diatas adalah tertakluk kepada mana-mana cukai dikenakan pada kadar semasa yang ditetapkan (jika berkenaan)

8. BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB SAYA?

▪ Caj Bayaran Lewat (CBL)	<p>Pihak Bank mempunyai hak untuk pampasan atas bayaran tertunggak, berlandaskan mekanisma seperti di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"> I. <u>Bayaran Tertunggak</u> Sekiranya anda gagal membayar sebarang amaun tertunggak dari tarikh bermulanya kemudahan di keluarkan sehingga tarikh matang, Caj Bayaran Lewat akan dikenakan sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas amaun yang tertunggak. II. <u>Apabila Matang</u> Kadar Pasaran Kewangan Interbank Islam (IIMM) akan dikenakan di atas kegagalan membayar jumlah baki pembiayaan selepas tempoh matang atau sehingga penghakiman, yang mana terdahulu. <p>Walaubagaimanapun, Caj Bayaran Lewat yang dikenakan tidak akan dikompaun kepada baki Jumlah Kemudahan.</p>
---------------------------	--

<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tindakan undang-undang 	<p>Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan amaun (shortfall) bulanan terkumpul (jika ada). • Gagal untuk membalaas notis peringatan. • Tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas anda akan mengakibatkan anda menghadapi kesukaran atau dikenakan caj yang mahal untuk memohon pembiayaan yang baru. <p>Pemberitahuan akan diberikan kepada anda terlebih dahulu untuk sebarang tindakan undang-undang yang akan dikenakan</p>
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kadar Kemungkinan 	<p>Untuk pembiayaan berjangka, bayaran untuk pembiayaan ini adalah mengikut bulanan, suku tahunan, setengah tahun, tahunan atau pembayaran sekaligus, dimana bank berhak menaikkan keuntungan margin dari kadar keuntungan kepada kadar kemungkinan untuk dikenakan pada jumlah yang tertunggak, atau kadar keuntungan lain dimana bank akan menetapkan sendiri atau atas budi bicara pihak bank dari semasa ke semasa, jika pembayaran tertunggak dan tidak dibayar selama tiga (3) bulan dari hari pertama kemungkinan.</p> <p>Dengan syarat bahawa kenaikan itu tidak akan menyebabkan jumlah pembayaran melebihi Harga Jualan Bank.</p>
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Hak Penyelesaian 	<p>Pihak Bank berhak menolak selesai mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dibuka dengan Bank untuk melunaskan mana-mana jumlah tertunggak yang melibatkan kemudahan ini.</p>

- Tindakan undang-undang akan dikenakan jika gagal memberi respon kepada notis peringatan.
- Tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap anda akan menjelaskan penilaian kredit yang akan menyukarkan atau membebangkan anda

9. BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA MEMBUAT PENYELESAIAN SEPENUHNYA KE ATAS PEMBIAYAANINI SEBELUM TARikh IA MATANG?

Pihak Bank akan memberi rebat (*Ibra'*) kepada pelanggan dalam, tetapi tidak terhad kepada, situasi-situasi berikut

- (a) Pelanggan membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang terbit dari bayaran awal;
- (b) Sekiranya ansuran bulanan berlaku awal sebelum berakhirnya tempoh pembayaran keuntungan (untuk pembayaran berkala);
- (c) Sekiranya kadar keuntungan efektif lebih rendah dari kadar keuntungan siling; dan
- (d) Sekiranya jumlah pengeluaran sebenar adalah rendah dari harga jualan bank.

Bagi mengelak keraguan, adalah diperakui dan dipersetujui bahawa rebat-rebat berkenaan tidak boleh dianggap sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada Pelanggan, tetapi didatangkan sebagai tolakan dari elemen keuntungan ansuran kemudahan pembiayaan tersebut. Rebат berkenaan hanya akan diberikan selepas penerimaan jumlah penyelesaian/penebusan sebagaimana ditentukan oleh Bank berdasarkan formula di bawah:

Baki Harga Jualan	Tolak	Baki Kemudahan	Tolak	Amaun Lain Yang Perlu Dibayar Kepada Bank
-------------------	-------	----------------	-------	---

Anda boleh merujuk laman web kami di www.maybank2u.com.my untuk contoh ilustrasi mengenai pengiraan dan penyelesaian berdasarkan formula *Ibra'*.

Pergi ke [Home](#) > Announcements > Bank Negara Malaysia's Guideline on *Ibra'* (Rebate) for Sale-Based Financing.

10. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN PENJAMIN ATAU CAGARAN?

Penjamin tidak diperlukan bagi kedua-dua kemudahan ini walaubagaimanapun kemudahan ini mesti dicagarkan dengan aset-aset berikut :

- i. Hartanah
- ii. Deposit Tetap (Konvensional atau Islamik) / Akaun Pelaburan Am (GIA)
- iii. Amanah Saham Bumiputera (ASB)

11. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN PERLINDUNGAN TAKAFUL?

- Anda digalakan untuk mengambil takaful perlindungan sekiranya berlaku kematian dan kecacatan kekal.
- Caruman takaful atas sumbangan tunggal bergantung kepada jumlah pembiayaan, umur dan jantina.
- Anda adalah disyorkan untuk mengambil perlindungan takaful daripada pengendali takaful panel Bank (Etiqa Family Berhad) atau mana-mana panel takaful yang diluluskan oleh pihak Bank.

12. BOLEHKAH SAYA MEMILIH UNTUK PENYERAHAN SECARA FIZIKAL KOMODITI TERSEBUT? APAKAH KOS YANG TERLIBAT?

Anda boleh memilih untuk penyerahan secara fizikal komoditi tertakluk kepada terma dan syarat oleh pihak Bank. Semua kos berkaitan dengan arahan anda untuk penyerahan secara fizikal komoditi tersebut perlu ditanggung oleh anda.

13. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT PERUBAHAN PADA MAKLUMAT UNTUK MENGHUBUNGI SAYA?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi mana-mana cawangan Maybank atau Maybank Islamic yang berdekatan dengan anda.

14. APAKAH SYARAT-SYARAT PEMOHON BERSAMA?

- Sehingga maksimum empat (4) pemohon bersama (terhad kepada ahli keluarga terdekat).
- Usia pemohon bersama antara 21 dan 65 tahun dan tidak melebihi 70 tahun pada akhir tempoh pembiayaan.

15. DI MANA SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN PEMBELAAN?

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran ansuran bulanan, anda harus menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pilihan-pilihan yang ada. Kami boleh dihubungi di:

Maybank
Cawangan : _____
Alamat : _____
Tel/Fax : _____ Email : _____

- Sebagai pilihan, anda juga boleh mendapatkan nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturkan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Untuk membuat pertanyaan, sila hubungi :

Tingkat 8, Maju Junction Mall
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Tel: 1-800-22-2575
E-mail : enquiry@akpk.org.my

- Jika anda ingin membuat sebarang aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

Maybank
Khidmat Pengurusan Maklumbalas Pelanggan
Tingkat 28, Menara Maybank
100 Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Talian Utama: 03-20748075
Email: cfm@maybank.com.my

- Jika pertanyaan dan aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda juga mempunyai pilihan untuk menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-2174 1515
Email : bnmtelelink@bnm.gov.my

16. DIMANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?

Anda boleh kunjungi cawangan Maybank yang terdekat atau hubungi atau hubungi khidmat pelanggan di talian 1300-88-6688 atau rujuk kepada laman web www.maybank2u.com.my.

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK
MENERUSKAN BAYARAN PEMBIAYAAN PELAJARAN-I ANDA.**

Maklumat yang disediakan di dalam helaian ini sah dari Jun 2019.

